



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 6 RABU 7HB. FEBRUARI, 1973.

1393 رابو 4 محرم PERCHUMA

UMAT ISLAM DI-SERU MENGENALI AJARAN2 UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Hj. Md. Zain bin Haji Serudin telah menyeru umat Islam di-negeri ini supaya mengenali ajaran2 Ugama Islam, kerana dalam zaman sains dan teknologi ini banyak penga-
roh2 yang boleh membawa kita kepada sikap melupakan dan meringankan ajaran2 ugama kita itu.

Ini, tambahan pula dengan ada-nya fa-
haman yang merbahaya yang menyatakan
ajaran2 ugama ada-lah mengongkong dan ti-
dak sesuai lagi dengan kehendak zaman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja membuat seruan itu ketika be-
liau berucap sa-belum me-
rasmikan Majlis Sambutan
Awal Muharam yang ber-
langsong di-Dewan Sekolah
Melayu Sengkuring pada ma-
lam Ahad yang lalu.

Kapada belia2 di-negeri
ini, Yang Berhormat itu me-
ngehendaki mereka supaya
mempunyai sikap ingin me-
nyelideki dan mempelajari
ugama itu terlebih dahulu sa-
belum mereka membuat ke-
simpulan mengenai dengan
ajaran Ugama Islam atau ter-
ikut2 kepada fikiran yang
merbahaya itu.

"Berdasarkan kapada pe-
nyelidekan dan pengkajian
itu-lah saya perchaya belia2
Islam di-negeri ini akan dapat
membuat kesimpulan yang te-
pat dan dapat menjadikan
Islam sa-bagai pedoman hidup
mereka", tegas beliau.

Mengenai dengan hal itu
beliau juga ingin meny-
takan bahawa mana2 pers-
tuan2 belia yang ingin meng-
adakan pelajaran dan pengka-
jian mengenai ugama supaya
berhubung dengan Jabatan
Hal Ehwal Ugama, dan ja-
batan itu akan bekerjasama
bagi mengadakan-nya sesuai
(Lihat Muka 5)



AWANG Abdul Rashid bin Haji Ibrahim (atas)
dan **Awang Ahmad bin Haji Abdul Rashid** ke-
tika menjunjung anugerah gelaran Panglima dalam
satu istiadat yang berlangsung di-Istana Darul Hana
pada hari Rabu lepas.

DUA ORANG DI-KURNIAKAN GELARAN "PANGLIMA"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berke-
nan mengurniakan gelaran 'Panglima Raja ka-
pada **Awang Abdul Rashid bin Haji Ibrahim**
dan **Panglima Asgar** kepada **Awang Ahmad**
bin **Haji Rashid**

Istiadat mengurniakan ge-
laran tersebut telah di-adakan
di-Istana Darul Hana pada
hari Rabu lepas.

Istiadat itu telah di-hadiri
oleh Yang Teramat Mulia
Seri Paduka Duli Pengiran
Perdana Wazir Sahibol Him-
mah Wal-Waqar Muda Mo-
hammad Bolkihah dan Yang
Di-Muliakan Pehin2.

Surat tauiah Diraja telah
di-bachakan oleh Yang Mulia
Mudim Awang Sirat sem-
tara bacaan do'a selamat te-
lah di-bachakan oleh Yang
Di-Muliakan Pehin Khatib
Awang Haji Abdul Hamid
di-akhir istiadat tersebut.



Pengharaman sementara mengimpot kerbau, lembu dari S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. —
Pegawai Haiwan, **Awang C.V. Su-
bramanian** mengumumkan baha-
haw oleh sebab berlaku-nya pe-
nyakit kaki dan mulut di-Steshen
Kurantina Jurong yang biasa-nya
menyerang binatang2 ternakan di-
Singapura, maka impot lembu,
kerbau, kambing dan kambing
biri2 dari Singapura dan Malaysia
Barat telah di-haramkan sa-hin-
ga di-beritahu kelak.

Pegawai Haiwan itu berkata,
pengimpot2 telah di-beritahu ba-
haw surat2 kebenaran bagi me-
reka mengimpot binatang2 terse-
but yang di-keluarkan kapada me-
reka telah pun di-batalkan.

Beliau berkata pengharaman itu
yang hanya di-kenakan buat se-
mentara waktu akan di-batalkan
apa bila keadaan pulih seperti
biasa dan beliau berpuas hati ba-
haw binatang2 yang di-impot itu
nanti ada-lah bebas dari penyakit
tersebut.

Penyakit kaki dan mulut ada-lah
sa-jenis penyakit yang mudah
menjangkit antara lembu, kerbau,
kambing, kambing biri2 dan babi
dan ke-semua binatang2 yang kena
penyakit itu mesti-lah di-sembeleh.

Pegawai Haiwan itu meneg-
askan bahawa Negeri Brunei ada-lah
salah sa-buah negeri di-wilayah
ini yang bebas dari penyakit ter-
sebut dan jagaan serta kawalan
yang rapi itu harus di-teruskan
bagi melindungi binatang2 ter-
nak di-negeri ini di-serang pen-
yakit itu.

RANCHANGAN BEKALAN AYER TEMBURONG

TEMBURONG. — Kerajaan sedang mempelawa tawaran bagi pembekalan alat2 perkakas mengepam ayer dan pemberseh ayer untuk Ranchangan Bekalan Ayer di-Bangar.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Persurrohjaya Kemajuan berkata, kerja2 bagi ranchangan itu di-jangka dimulakan dalam pertengahan tahun ini.

Kenyataan itu berkata ampuan ayer dan pusat pemberseh ayer akan di-bina kira2 dua batu ka-selatan Pekan Bangar di-sepanjang jalan baru Belaban.

Kawasan itu boleh di-hubungi melalui jalan raya atau pun dengan menggunakan bot melalui Sungai Temburong.

Ranchangan itu apabila siap kelak akan membekalkan ayer sa-hingga 450,000 gilin ayer yang telah di-tapis dalam sehari bagi kawasan Pekan Bangar sa-hingga ka-Kastam Lama, Batu Apoi dan Kampung Puni.

Ranchangan itu di-bina adalah bagi mengatasi kegunaan ayer yang telah di-bersekan bagi sa-lama 30 tahun yang akan datang ini.

Sharikat Messrs. Bolton Hennessey Cogan and Associates ada-lah jurutera2 penasihat yang mereka dan mengawasi pembinaan ampuan itu bagi pehak kerajaan.

Tiga orang merinyu pulis berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang merinyu Pasokan Pulis Diraja Brunei di-jadualkan berlepas ka-United Kingdom pada 15hb. Februari ini untuk mengikuti satu kursus umum pulis.

Mereka ia-lah Awang Walter Boyd, Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Haji Besar dan Awang Haji Salleh bin Haji Hassan.

Mereka akan berada di-United Kingdom sa-lama kira2 enam bulan.

Lesen2 anjing hendak-lah di-baharui

KUALA BELAIT. — Lesen anjing bagi tahun 1973 di-kawasan Seria dan Belait boleh di-dapati sekarang dari Pejabat2 Bandaran, Kuala Belait dan Seria, ia-itu semasa pejabat di-buka, tetapi tidak lawat dari pukul 2.30 petang.

Pengerusi Lembaga Bandaran Belait, Yang Amat Mulia Pengiran

Di-denda kerana berkelakuan tidak senunoh

KUALA BELAIT. — Mahkamah Kuala Belait telah mendenda sa-orang Iban, Buda anak Ringkai sa-banyak \$200.00 atau penjara sa-lama tiga bulan, sa-telah dia mengaku salah atas tuduhan berkelakuan tidak senunoh dan merosakkan alat2 perkakas di-tempat minuman Rico, Kuala Belait pada 26hb. Januari lalu, yang menyebabkan kerugian hingga \$400.00.

Sa-orang lagi Iban, Laus anak Ludan di-denda \$30.00 kerana kesalahan masuk ka-negeri ini melalui tempat yang di-larang pada 22hb. Januari.

Tan Chui Koon atau Fao Chui Koon telah di-kenakan jaminan supaya berkelakuan baik sa-lama enam bulan dengan satu jaminan wang sa-jumlah \$100.00 sa-telah dia mengaku salah menggunakan perkataan kasar terhadap dua orang anggota pulis.

Mahkamah juga memerintahkan Ho Hoi Yun supaya berkelakuan baik sa-lama enam bulan dengan satu jaminan kerana menchederakan Peter Law King Chung atau Peter Law.


Di-Bandar Seri Begawan, Mahkamah telah mendenda sa-orang China, Chin Kong Fui sa-banyak \$120.00 kerana kesalahan berada di-Brunei sa-telah pas lawatan-nya manshoh.

Bergotong royong pasang slab2 batu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 40 orang penduduk Kampung Setia dan ahli2 Persatuan AKSE di-ketuai oleh Pateh Awang Haji Masri bin Awang Ismail pada minggu lalu telah membuat kerja gotong-royong memasang slab batu di-Jalan Residency, ia-itu

Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar berkata, bayaran lesen bagi sa-ekor anjing jantan ia-lah \$3.00 dan \$5.00 bagi sa-ekor anjing betina.

Kata-nya, semua anjing2 yang telah berdaftar bagi tahun 1973, hendak-lah mempunyai lesen-nya tergantung di-leher, dan sebarang anjing yang di-jumpai tidak berlesen sa-lepas 28hb. Februari akan di-musnahkan.



BALAI pulis baru di-Pekan Muara telah memulakan perkhidmatannya pada 23hb. Januari yang lalu.

Bersempena dengan itu, Timbalan Penguasa Pulis, Dato Seri Laila Jasa B.M.G. Cavarliho telah mengadakan lawatan ka-balai tersebut.

Dato Cavarliho telah menasehatkan penduduk2 di-Pekan Muara dan kampung2 yang berhampiran supaya menggunakan balai tersebut untuk melaporkan sebarang kes jenayah.

Komplek yang menelan belanja kira2 \$500,000.00 itu mengandungi tempat tinggal pegawai Pemerintah Balai, dua blok flat dan bangunan balai.

Gambar atas menunjukkan balai pulis Muara yang baru (kanan) dan salah sa-buah blok flat tempat tinggal anggota pulis yang bertugas di-situ manakala gambar bawah menunjukkan ketika Timbalan Penguasa Pulis, Dato Seri Laila Jasa Cavarliho melawat ka-Balai tersebut.



dari hadapan Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British hingga ka-kawasan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Hasil dari perbelanjaan kerja2 itu akan di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, yang juga selaku ahli Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, telah menyaksikan kerja2 itu.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz berkata, banyak lagi kegiatan2 yang harus di-lancarkan oleh penduduk2 di-negeri ini, melalui tenaga dan usaha, bagi

mendapatkan wang, untuk di-sumbangkan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Kata-nya, sudah sa-harus-nya raayat, dan penduduk di-negeri ini merasa bangga menyambut titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, kerana stadium yang ber-taraf antara bangsa itu, dapat di-m'leki bersama oleh raayat dan penduduk negeri ini dengan kerajaan.

Dengan terlaksana-nya stadium itu nanti, ia-nya akan melambangkan kemajuan ra-ayat Brunei bukan sahaja di-bidang sukan dan olah raga, tetapi juga dalam semua aspek kehidupan sosial dan kebudayaan.

PADA suatu hari sa-sudah berlalu tiga belas tahun Nabi Mohammad s.a.w. menyiarkan Ugama Islam di-Mekah, maka bermashuaratlah ketua2 kaum kafir Qurish untuk mengambil sa-suatu tindakan terhadap diri baginda. Ketua kaum kafir itu sudah tidak dapat menahan kesabaran mereka lagi bilamana segala tindakan mereka bagi menghalang kegiatan2 Rasulullah dan orang2 Islam tiada berkesan.

Salah sa-orang di-antara mereka yang hadir di-dalam mashuarat itu telah berkata, "Kita berkumpul di-sini agar masing2 dapat membentangkan fikiran tentang keadaan diri Mohammad. Masaalah-nya telah ter-rang, bahawa pengarah Mohammad sudah meleber ka-segenap pelusok dan negeri2 lain. Segala anjakan dan sek-saan yang telah kita lakukan terhadap pengikut2-nya tidak berkesan sedikit juga terhadap mereka, malah di-terima dengan tabah dan sabar. Mula-nya dengan kematian bapa saudara-nya ia-itu Abu Talib kita harapkan bahawa Mohammad akan kehilangan pengarah. Sekarang timbul kaum Aus dan Khazraj menjadi penyokong mereka. Mereka meninggalkan anak isteri mereka asal mereka tetap memegang ugama mereka. Mereka rupa-nya rela meninggalkan kampung halaman pindah ka-sana bersama mereka kemudian mereka kembali ka-mari menghalang kita. Maka sa-helum itu terjadi, kita mesti-lah dapat menghapuskan Mohammad, agar pengarah-nya hilang dan daerah ini dapat kita kuasai".

Maka perbincangan pun bermula dan berbagai2 fikiran pun di-bentangkan. Ada yang menhadangkan supaya Mohammad di-penjara sampai mati, ada yang menhadangkan supaya Mohammad di-halau dari bumi Mekah dan lain2 lagi yang mana chadangan2 itu semua-nya tidak di-terima. Akhir-nya tampil pula Abu Jahal memberikan chadangan, katanya pilih dari masing2 ka-bilah sa-orang pemuda yang gagah berani, masing2 kita beri pedang yang tajam, mereka masing2 di-wajibkan membunuh Mohammad di-mana sahaja mereka berjumpa dengan dia". Chadangan Abu Jahal ini telah di-terima dengan sa-bulat suara.

Di-dalam pada itu Rasulullah s.a.w. telah memberi izin kepada semua orang Islam meninggalkan kota Mekah. Hanya Abu Bakar As-Sidek sahaja yang tidak di-bolekan baginda dengan harapan akan menemani baginda bila Allah memberi izin untuk berhijrah nanti. Tiba2 turun-lah wahayu daripada Allah memberi tahu keputusan ketua2 kaum Qurish

PERISTIWA HIJRAH NABI MOHAMMAD MENGANDONGI ARTI YANG SANGAT BESAR



KHUTBAH JUMA'AT

"Kita memerlukan hijrah dalam arti kata hijrah dari semua keadaan yang belum kita selesaikan dengan sempurna-nya menuju kepada perubahan2 yang bersesuaian dengan kehendak Ugama Islam".

untuk membunuh baginda. Nabi di-perintah Tuhan di-dalam wahayu-nya itu untuk hijrah ka-Medinah. Wahyu itu telah di-beri tahukan Nabi kepada Saidina Abu Bakar As-Sidek. Saidina Abu Bakar As-Sidek dan Nabi akan berjanji berhijrah bersama2 pada satu pertiga malam tersebut dan kepada Abu Bakar di-serukan

Sambutan awal Muharam di-K.B.

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait akan menyambut awal Muharam di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada malam esok, 8hb. Februari mulai pukul 8.00 malam.

Sambutan itu di-kelelakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Pencerahan Kuala Belait atas anjuran Persatuan Bumiputera Belait.

Mailis sambutan awal Muharam itu akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Java Nezara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, sementara isteri beliau akan menyampaikan hadiah2.

Antara achara-nya ia-lah peraduan Azan yang terbuka kepada peserta2 lelaki berumur 18 tahun ka-atas, dan peraduan Berzanji yang terbuka kepada peserta wanita berumur 16 tahun ka-atas.

Borang memasoki peraduan itu boleh di-dapati dari Imam Mesjid Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Zainal bin Idris dan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait.

tugas bagi menyediakan dua orang penuniok jalan. Sa-rentak dengan malam Nabi akan berhijrah itu-lah rumah Nabi di-kepong oleh pemuda2 Qurish yang menjalankan tugas untuk membunuh baginda. Tetapi dengan pertolongan Allah, sa-masa Nabi keluar dari rumah baginda itu pemuda2 tadi telah tertidor lalu berjalan-lah baginda ka-rumah Saidina Abu Bakar As-Sidek dan memulakan perjalanan hijrah ka-Medinah bersama sahabat baginda itu.

Ini-lah detik peristiwa hijrah Nabi Mohammad s.a.w. yang telah di-abdikan menjadi tahun permulaan umat Islam. Peristiwa sejarah itu ada-lah mengandong arti yang sangat besar ia-itu merupakan salah satu pengorbanan sa-orang Rasul beserta pengikut2-nya yang tiada tulok banding-nya demi untuk melindungi dan memelihara ugama Allah dan demi untuk mematohi titah

perintah Allah. Mereka telah sanggup berpisah dari kampung halaman, meninggalkan rumah dan harta benda masing2 sa-mata2 kerana menegakkan ugama Allah.

Tidak hairan-lah dengan semangat pengorbanan yang besar itu Islam kemudian-nya telah berkembang dengan pesat-nya. Sekarang mari-lah kita bertanya kepada diri kita masing2 apa-kah pengorbanan yang telah dan sedia kita berikan untuk menegakkan Ugama kita?. Jawapan pertanyaan ini ada-lah terserah kepada kita masing2, satu perkara yang pasti ia-lah bahawa tiap2 kita umat Islam bertanggung-jawab menegakkan ajaran Ugama Islam. Kita sa-benar-nya memerlukan hijrah dalam arti kata hijrah dari semua keadaan yang belum kita selesaikan dengan sempurna-nya menuju kepada perubahan2 yang bersesuaian dengan kehendak ugama Islam.

Oleh yang demikian tuan2 ada-lah di-serukan supaya mengambil contoh dan tauladan dari semangat jihad dan pengorbanan Nabi dan sahabat2 baginda di-dalam peristiwa hijrah itu supaya dengan demikian akan menguatkan lagi semangat dan azam kita untuk membawa dan melakukan perubahan2 baru yang lebih baik dan sempurna sesuai dengan kehendak2 ugama Islam.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Februari, 1973 hingga ka-hari Selasa 13hb. Februari, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

<i>Hari</i>	<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Matahari Terbit</i>
7hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
8hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
9hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
10hb. Feb.	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36	
11hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35	
12hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35	
13hb. Feb.	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

MENDERMA-LAH KAPADA TABONG PEMBINAAN STADIUM

46 ORANG MEMELOK UGAMA ISLAM PADA TAHUN LALU

KEBANYAKAN bangsa2 lain memasok Uga Islam bukan-lah merupakan satu perkara baru di-Brunei bahkan ia-nya telah berjalan sudah sekian lama.

Menurut Perlembagaan, Uga Rasmi di-negeri ini ia-lah Uga Islam akan tetapi bangsa2 lain di-bolehkan mengamalkan ugama2 mereka dengan aman dan tenteram.

Meskipun demikian, dari pergaulan hidup sa-hari2 antara bangsa2 lain dengan orang2 Islam melalui kemeraan, sopan santun, saling hormat menghormati malah meliputi kebudayaan dan ajaran2 Islam sendiri, maka timbul-lah satu perasaan bangsa2 tersebut benar2 tertarik dengan Uga Islam.

Pejabat Kadhi Besar di-Jabatan Hal Ehwal yang menjalankan tugas pengislaman telah membuat pengkajian teliti mengenai latar belakang bangsa2 yang akan memelok Uga Islam itu dan kepastian telah di-dapati bahawa mereka sa-benar2-nya mempunyai niat yang satu, tekad yang bulat menukar ugama mereka kepada Uga Islam.

Kebanyakan mereka datang sendiri ka-Pejabat Kadhi Besar untuk menyatakan hasrat mereka dan ada pula di-antara-nya sudah tahu sedikit sebanyak tentang ajaran2 Uga Islam.

Apabila di-tanya kenapa mereka tertarik dengan Uga Islam, mereka menyatakan bahawa Uga Islam ia-lah satu2-nya ugama yang baik yang harus di-ikuti dan ini bukan-lah sa-suatu yang di-paksa malah melalui pengalaman dan pergaulan dengan orang2 Islam sendiri telah membokti ugama Islam mempunyai kelebihan dan keistimewaan dari ugama2 lain.

Menurut Ak. Rosman bin Pg. Hj. Tengah, pegawai yang di-tugaskan menjalankan pengislaman telah menyatakan, bangsa2 lain yang memelok Uga Islam itu hendak-lah berumur 14 tahun 7 bulan ka-atas kerana dalam lingkungan umur tersebut mereka di-sifatkan sudah bebas dari jagaan ibu bapa dan keluarga.

Jika mereka maseh lagi dibawah umur tersebut ini bermata mereka maseh lagi dalam jagaan ibu bapa dan keluarga dan jika mereka bermaksud hendak memelok Uga Islam mereka hendak-lah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari ibu bapa atau keluarga, kechuali ibu bapa memelok Uga Islam maka dengan sendiri-nya anak2 dibawah lingkungan umur tersebut akan mengikut kapada pehak ibu dan bapa.

OLEH: ABD RAHIM WALLI

Menurut Ak. Rosman lagi sa-telah segala2-nya berjalan dalam suasana baik maka upacara pengislaman pun di-langsungkan dengan melafdzkan dua kalimah shahadat di-hadapan dua orang saksi berugama Islam.

Lafadz itu di-ucapkan oleh mereka yang mengakui bahawa tiada Tuhan yang di-sembah sa-benar2-nya melainkan Allah dan mengakui bahawa Nabi Mohamed itu ia-lah Pesuruh Allah.

Sa-lepas itu nama asal mereka telah berubah kapada nama yang biasa di-pakai oleh orang2 Islam di-negeri ini yang ber-bin atau binte kapada Abdullah.

Ak. Rosman menerangkan beberapa perkara mengenai ajaran2 Uga Islam telah juga di-ajarkan kapada mereka dan beberapa tahun lalu telah di-adakan kursus Muallaf khusus untuk meluaskan dan mendalami pengetahuan mereka terhadap ajaran2 Uga Islam.

Sa-belum mereka memelok Uga Islam terlebih dahulu diterangkan tentang larangan2 atau tegahan2 yang menyelahi hukum2 Uga Islam.

Sa-telah mereka memelok Uga Islam, mereka terpaksa diasingkan dari rumah ibu bapa atau keluarga yang bukan Islam bagaimana pun mereka di-galakkan kunjong mengunjongi antara satu dengan lain kerana dalam Islam sendiri menggalakkan semua bangsa di-dunia berbaik2 antara satu dengan lain demi mengujudkan perdamaian dan kesejahteraan.

Tugas membimbing dan menunjuk ajar kapada mereka yang memelok Uga Islam bukan saja tertumpu kapada Jabatan Hal Ehwal Uga malah tugas itu haruslah di-pikul bersama oleh semua orang2 Islam di-negeri ini kerana mereka memandang semua orang2 Islam ia-lah bersaudara.

Menurut laporan yang di-ku-luarkan oleh Pejabat Kadhi Besar dalam tahun 1972 sa-ramai 46 orang dari berbagai bangsa di-Brunei telah memelok Uga Islam. Sa-ramai 17 orang termasuk 8 perempuan dari Bangsa Iban telah memelok Uga Islam. China 11 orang termasuk 7 perempuan, Dusun 7 orang termasuk 3 perempuan.

Dua orang lelaki Biasaya, dua orang lelaki Kayan, dua orang Murut sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan sa-orang Kelabit dan sa-orang bangsa Filipina tiga orang perempuan dari bangsa Korea, Eursian dan Thai.

Sa-ramai 28 orang lagi memelok Uga Islam dalam tahun 1971 ini termasuk 12 orang perempuan.

Bangsa2 yang memelok Uga Islam itu ia-lah Iban sa-ramai 10 orang, China 7 orang, Dusun 4 orang, Eursian 3 orang, Bisaya 2 orang, sa-orang Gurkha dan sa-orang Korea.



Ismail bin Opak.



Dy. Hayati bte. Abdullah.



Abd. Rahim bin Abdullah.



Dy. Zainab bte. Abdullah.



Awg. Haji Mohammad.



Dy. Hazelina.

SAMBUTAN AWAL TAHUN BARU ISLAM

(Dari muka 1)

dengan hasrat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang ingin menjadikan Islam sa-bagai Idologi Negara.

Beliau juga perchaya bahawa beliau2 Islam yang benar2 faham akan ajaran Uga Islam akan menjadi pendokong yang kuat kapada hasrat yang suchi itu.

Mengenai dengan pemergian jemaah haji, Yang Berhormat itu berucap atas limpah kurnia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang menitahkan wang beribu2 ringgit sa-luakan di-hadiahkan bagi menyam-paikan niat jemaah2 haji itu.

Kapada Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu, ma-

ka jemaah2 haji yang berkenaan tidak akan dapat menunaikan fardhu haji pada tahun ini", tegas beliau.

Menyentuh dengan shariat baru pengurniaan tambang haji kapada pegawai2 kerajaan, beliau berkata, shariat tersebut ada-lah menunjukkan bahawa hasrat Duli Yang Maha Mulia supaya pegawai2 Kerajaan Baginda yang berugama Islam ingin mempelajari dan mengkaji ajaran2 Uga Islam dan menjadi manusia yang takwa kapada Allah.

Mengenai dengan masjid2 pula, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uga itu berkata bahawa satu peratoran baru telah di-buat mengenai dengan memberi nama sa-sebuah masjid.

Menurut peratoran2 baru itu, tidak siapa pun boleh memberi nama kapada sa-sebuah masjid kechuali dengan kebenaran dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beliau berkata, mana2 masjid yang belum di-beri nama khas bo-

leh-lah di-sebut dengan nama kampung di-mana masjid itu didirikan.

Dalam pada itu mana2 orang2 atau badan tidak-lah di-halang untuk mengemukakan chadangan bagi menamakan sa-sebuah masjid. Permohonan2 yang sa-demikian hendak-lah menerusi Majlis Uga Islam yang mana majlis itu akan menimbang-nya.

Yang Berhormat itu berkata bahawa peratoran2 baru itu akan di-edarkan kapada seluruh masjid di-negeri ini untuk pengetahuan ramai.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Penguasa Penerangan dan Tabligh, Awang Haji Aziz Juned dan Naib-Yang Di-Pertua Persatuan Belia Sengkunong.

Di-samping puisidra yang bertajuk "Chita Rasa Darussalam" yang mendapat sambutan hangat pada malam itu, bacaan Quran dan nashid yang di-sampaikan oleh penuntut dari Maktab Uga Seri Begawan juga di-persembahkan pada malam itu.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uga, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg. Hj. Md. Zain berucap sa-belum merasmikan Majlis Sambutan Awal Muharam. — Gambar JHEU/BP.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uga, pegawai2 dari JHEU dan pendudok2 Kampong Sengkunong yang menyaksikan persembahan2 dalam Majlis Sambutan Awal Muharam. — Gambar JHEU/BP.

6,714 kenderan bermotor di-impot dalam tempoh tiga tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam tiga tahun, 1970, 1971 dan 1972 sa-banyak 6,714 buah kereta, lori, bus dan kereta van telah di-impot ka-Brunei dari beberapa buah negeri, termasuk Jepun, Jerman, Australia, United Kingdom dan Soviet Russia.

Menurut satu laporan Pejabat Perangkaan sa-banyak 2,642 buah kenderaan2 itu telah di-impot dalam tahun 1970, 1,838 buah dalam tahun 1971 dan sa-banyak 2,234 buah dalam tahun lalu.

Ini termasuk-lah 5,871 buah kereta, 200 buah bus, 547 buah lori dan 96 buah lagi lain2 kenderaan.

Dalam masa tiga tahun itu juga sa-banyak 384 buah moto-sikal dan scooter telah di-impot ka-Brunei.

Dalam tahun 1970 sa-banyak 119 buah, tahun 1971 sa-banyak 90 buah dan 175 buah tahun lalu.

Harga semua kenderaan yang di-impot dalam tiga tahun itu berjumlah lebih dari \$29,000,000 dan kerajaan telah mengenakan cukai impot berjumlah lebih \$3,000,000.

Sambutan Awal Muharam di-Daerah Tutong 10hb. Feb.

TUTONG. — Sambutan Awal Tahun Baru Islam bagi Daerah Tutong akan di-adakan pada hari Sabtu 10hb. Februari ini bertempat di-padang kecil Bukit Bendera mulai jam 7.30 malam.

Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdullah bin Haji Mohamed Ja'afar akan merasmikan sambutan tersebut.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan termasuk-lah nashid dan persembahan yang berchorak pentomin.

Orang ramai ada-lah di-persilakan untuk menyaksikan persembahan2 tersebut.



Babak terakhir pementasan puisidra yang di-persembahkan pada malam itu. — Gambar JHEU/BP.

Rombongan pertama jemaah2 haji tiba petang ini

yang mengandongi 189 orang di-jadualkan tiba di-lapangan terbang antara bangsa Brunei pada hari ini kira2 jam 5.15 petang.

Jemaah2 haji dalam penerbangan kedua yang bertolak pada 31hb. Disember, 1972 yang mengandongi sa-ramai

127 orang di-jadualkan tiba di-lapangan terbang antara bangsa Brunei pada hari Jumaat 9hb. Februari jam 3.00 petang.

Semua urusan ketibaan jemaah2 haji itu akan di-lakukan di-lapangan terbang antara bangsa dan orang ramai

sama sekali tidak di-benarkan masuk kawasan lapangan terbang itu kechuali mereka yang mempunyai pelekak kereta yang di-keluarkan oleh JHEU.

Sementara itu, sa-ramai 47 orang jemaah haji Brunei yang pergi dengan kapal laut

di-jadualkan tiba di-perayeran Labuan esok, 8hb. Februari pada jam 6.00 petang.

Jemaah2 haji itu akan dibawa ka-Brunei dengan kapal kerajaan dan mereka di-jadualkan tiba di-tambatan kastam Diraja Bandar Seri Begawan kira2 jam 12.00 tengah malam esok.



Kumpulan nashid yang terdiri dari penuntut2 Maktab Uga Seri Begawan yang turut menyumbangkan persembahan mereka dalam majlis tersebut. — Gambar JHEU/BP.



SA-RAMAI 13 orang ahli bomba baru telah menerima sijil kelulusan mereka dalam satu perbarisan tamat latihan baru2 ini.

Ketua Pegawai Bomba Lapangan terbang, Awg. K. Cawley telah memereksa dan membalas tahek di-upacara tersebut.

Sa-telah selesai perbarisan itu, anggota2 bomba tersebut mengadakan pertunjukan mengenai chara2 menggunakan alat2 perkakas pemedan api yang moden.

Gambar atas menunjukkan Awg. Cawley sedang menyampaikan piala kepada Yong Hock See yang telah di-pilih sa-bagai rekrut terbaik dalam practice manakala gambar bawah Awang Panjang bin Sabtu, rekrut terbaik dalam teori menerima piala dari Awang Cawley.



Leteh \$5,000 derma dari sekolah2 untok tabong Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jawatankuasa Tabong Pembinaan Stadium Bahagian Sekolah2 di-Jabatan Pelajaran, sa-takat ini telah menerima lebeh dari \$5,000.00, hasil kutipan dari 26 buah sekolah2 Melayu, Inggeris, Misi dan China, dalam bulan Disember tahun lalu.

Sebelas buah sekolah2 Melayu, telah mengutip sa-banyak \$3,301.55 sen, Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait di-antara sekolah2 itu telah mengutip sa-

banyak \$1,000.50 sen, di-ikuti oleh Sekolah Rendah dan Menengah Sultan Hassan, Bangar, Temburong sa-banyak \$273.10 sen dan Sekolah Melayu Sengkurong sa-banyak \$242.00.

Lima buah sekolah2 Misi mengutip sa-banyak \$750.95 sen. Dari Sekolah St. Michael, Seria kutipan sa-banyak \$265.80 sen, Sekolah St. George, Bandar Seri Begawan sa-banyak \$185.15 sen dan \$150.00 dari Sekolah St. John, Kuala Belait.

Lapan buah sekolah2 China telah mengutip sa-banyak \$918.60 sen.

Sekolah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan mengutip sa-banyak \$300.00, Sekolah Chung Ching, Seria sa-banyak \$178.30 sen dan Sekolah Chung Hwa, Labi mengutip sa-banyak \$131.00.

Sekolah Pertukangan Kejuruteraan, Kuala Belait telah mengutip sa-banyak \$59.45 sen sementara Sekolah Inggeris Berakas mengutip sa-banyak \$744.00.

Perlawanan bola sepak antara sekolah2 menengah dan maktab

BANDAR SERI BEGAWAN.

Jabatan Pelajaran Bahagian Pendidikan Jasmani sedang menyusun satu ranchangan bagi mengadakan perlawanan bola sepak tahunan kumpolan C antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 di-seluruh negeri tidak berapa lama lagi.

Sa-orang juruchakap di-Bahagian Pendidikan Jasmani Jabatan Pelajaran berkata, tiap2 sa-buah sekolah hanya di-benarkan menghantar satu pasukan saja yang mengandungi 17 orang pemain dari tingkatan umur yang di-lahirkan dalam tahun 1955, 1956 dan tahun 1957.

Juruchakap itu menerangkan sekolah2 yang akan menyertai perlawanan itu hendak-lah memenohi syarat2 dalam borang khas yang sedang di-edarkan sekarang dan salinan surat beranak bagi pemain2 itu hendak-lah juga di-sertakan bersama.

Sekolah2 di-Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong hendak-lah mengembalikan borang2 tersebut kepada Penolong Penyusun Pendidikan Jasmani di-Jabatan Pelaja-

ran, Bandar Seri Begawan dan sekolah2 di-Daerah Belait hendak-lah mengembalikan -nya kepada Penolong Penyusun Pendidikan Jasmani, Jabatan Pelajaran, Kuala Belait.

Semua borang2 itu hendak-lah sampai kepada Pegawai2 yang berkenaan tidak lewat dari 10hb. Feb. jam 4.00 petang.

PGGMB anjorkan perlawanan ping pong bagi orang2 Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.

Tarikh tutup penerimaan peserta bagi perlawanan ping pong, anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah dilanjutkan sa-hingga esok 8hb. Februari.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa penganjor berkata, perlawanan tersebut, hanya terbuka kepada penduduk2 Melayu Brunei yang punya kad2 pengenalan warna biru.

Bayaran masok bagi peserta perseorangan, ia-lah \$2.00, dan \$3.00 bagi peserta bergu.

Borang2 masok boleh di-

dapati dari Ibu Pejabat Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, di-Bangunan PGGMB, Bandar Seri Begawan, Pengawas Pusat Belia, dan Jabatan Pelajaran Bahagian Latchan Jasmani, di-Bandar Seri Begawan.

Ahli2 J/K K.B.R.C.

KUALA BELAIT. — Kelab Recreation Kuala Belait telah mengadakan meshuarat agongnya pada 20hb. Januari yang lalu bertempat di-kelab tersebut.

Dalam meshuarat itu, Awang Tengah bin Taha telah di-pilih sa-bagai Yang Di-Pertua bagi tahun ini, dan Awang Haji Yusoff bin Abdul Rahman telah di-pilih sa-bagai Naib Yang Di-Pertua.

Awang Kassim bin Abdullah telah di-pilih sa-bagai Setia Usaha Kehormat, Awang Augustine Thang sa-bagai Bendahari Kehormat dan Abang Morshidi bin Abang Haji Suhaili telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha Sokan Kehormat.

Tiga orang jawatankuasa telah juga di-lantek dalam meshuarat itu.

Mereka ia-lah Salleh Samad, Freddy Carrol dan A. Busu Ahmad.

Chalun2 yang lulus pereksa bahasa China, Jepun

BANDAR SERI BEGAWAN.

Sa-ramai sembilan orang chalun telah lulus dalam peperiksaan bahasa China yang telah di-adakan di-Sekolah Melayu Pusu Ulak dalam bulan Disember tahun lalu.

Lima orang chalun lulus peperiksaan primary dua. Mereka ia-lah Haji Md. Nor bin Haji Jeludin, Norliah Aston, Norish bte. Abd. Jalil, Abd. Rahman bin Abdullah dan Tan Siew Kee.

Empat orang lagi lulus dalam peperiksaan primary IV. Mereka ia-lah Dayang Kal-

thom Mohammad, Dayang J.K. Charles, Dayang Law Kit Neo dan Awang Mohyedeem Haji Daud.

Tiga orang chalun lulus peperiksaan bahasa Jepun. Dua orang lulus primary II dan sa-orang lulus primary IV.

Mereka yang lulus primary II ia-lah Chou Yat Kin dan Shain Jean Jit.

Awang Haji Salleh bin Md. Daud lulus peperiksaan bahasa Jepun primary IV.

Sementara itu dari 14 orang yang mengambil peperiksaan

bahasa Peranchis, 13 orang telah lulus. Tiga orang lulus primary II dan 10 orang lulus primary VI.

Chalun2 yang lulus primary II ia-lah Awang Fabian Wong, Dayang Anne Chua dan Dayang Marian Lim.

Chalun2 yang lulus primary VI ia-lah Dy. Chen Moi, Dy. Chong Poh Lian, Dy. Chong Siew Moi, Dy. Fatimah bte. Ahmad, Dy. Ng Ah Jit, Dy. Norfatimah bte. Sulaiman, Dy. Sung Yeok Ken, Dy. Sujath Mathews, Dy. Tan Lai Moi dan Dy. Zakiah bte. Naim.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

a) PENOLONG PENG-AJAR, FABRICATION & WELDING:

Kelulusan2 yang paling rendah:

- Mesti-lah mempunyai C.G.L.I. peperiksaan No. 360 Bahagian I & II (Fabrication Engineering Craft Practice).

ATAU

No. 323 (Welding Craft Practice)

ATAU

mempunyai kelulusan dalam bidang yang sama yang di-iktiraf.

- Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semenjak lulus.

- Chalon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kepada penuntut2 yang mempelajari Siri 820 untuk peperiksaan City & Guilds.

b) PENOLONG PENG-AJAR, REFRIGERATION & AIRCONDITIONING:

Kelulusan2 yang paling rendah:

- Mesti-lah lulus peperiksaan C.G.L.I. No. 72 (Refrigeration Practice) atau pun mempunyai kelulusan sebanding yang di-iktiraf.

- Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal semenjak lulus.

- Chalon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar sa-chara theory dan practice kepada penuntut2 yang mempelajari

Siri 820 untuk peperiksaan Sity & Guilds.

Am:

Chalon2 untuk jawatan2 ini hendak-lah tamat lathetan serta mempunyai beberapa tahun pengalaman praktikal keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh bertutor dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — \$470x20 - 510x30-540x20-600x30-690x20-710x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi

tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Bagi chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan kehendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 19hb. Februari, 1973.

Sa-bagai Pelayan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Pelayan di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I atau sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 EB 4-5 — \$180x5-240/EB/245x5-260x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat dari 8hb. Februari, 1973.

KURSUS PERGURUAN — 1973

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada mereka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei serta juga mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kelulusan "Biasa" dalam empat mata pelajaran atau mereka2 yang sedang menunggu keputusan Peperiksaan SPM/MCE bagi mengikuti kursus perguruan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkih, Gadong, Bandar Seri Begawan.

Jabatan Pelajaran Brunei memerlukan orang2 muda yang sesuai kelayakan-nya untuk di-lathet sa-bagai guru Sekolah2 Menengah Rendah Melayu dan Inggeris. Sa-lain dari menerima lathetan2 'am dalam chara2 mengajar, chalon2 yang berjaya akan dapat mengikuti kursus2 khas dalam mengajar perkara2 pilihan seperti Sains, Hisab, Seja-

rah, Ilmu Alam, Lukisan dan Pertukangan Tangan dan Sains Rumah Tangga. Pekerjaan mengajar di-negeri Brunei merupakan suatu lapangan yang besar ganjaran-nya dan juga memberi peluang kepada orang2 muda untuk memberikan sumbangan terhadap kemajuan negara.

Sa-masa dalam lathetan semua pemohon yang di-terima masuk akan di-bayar elau sa-banyak \$210.00 hingga \$225.00 sa-bulan dan akan di-beri makan serta tempat tinggal di-asrama2 Maktab.

Sa-belum di-terima masuk, pemohon2 yang terpilih akan terlebih dahulu di-temuduga serta di-periksa oleh doktor Kerajaan.

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi sharat2 berikut:-

- mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam lathetan;
- mereka atau penjamin2 me-

reka akan di-kehendaki membayar balek dengan sapenoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam lathetan;

- mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Brunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat lathetan.

Pelathet2 yang berjaya di-akhir kursus ini akan di-lakkan dalam tangga gaji yang sama seperti guru2 lain yang sa-jajar kelayakan-nya.

Penuntut2 yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM/MCE dan berchadang mengikuti kursus ini boleh-lah menghantar permohonan2 mereka menerusi Pengetua sekolah masing2. Borang2 baru boleh di-dapati dari Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkih, Peti Surat 391, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Borang2 yang sudah di-isi hendak-lah di-alamatkan kepada Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkih, menerusi Pengetua sekolah2 yang berkenaan. Borang2 tersebut mesti-lah sampai tidak lewat dari 12hb. Februari, 1973.

Pengarah Pelajaran, Brunei.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



DERMA YANG TERBESAR DARI ORANG PERSEORANGAN UNTUK TABONG PEMBINAAN STADIUM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Jawatankuasa Derma Tabong Pembinaan Stadium, Bahagian Perseorangan Daerah Brunei/Muara, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein telah menerima sa-keping chek bernilai \$10,000.00 dari warith Allahyarham Pehin Orang Kaya Laksamana Awang Osman untuk tabong pembinaan stadium.

Chek tersebut di-serahkan oleh anak tertua kepada Allahyarham itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam, Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein kemudian menyerahkan chek itu kepada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja

Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor dan warith Allahyarham itu atas sumbangan derma tersebut.

Yang Berhormat itu, menegaskan, ini-lah salah satu bukti, bahawa rakyat dan penduduk negeri ini, menyambut baik, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, dan semangat taat setia itu-lah, yang sangat2 di-sanjong tinggi, yang yang di-tunjokkan oleh rakyat Brunei sendiri.

Kutipan derma di-Daerah Brunei/Muara sa-takat ini berjumlah lebih dari \$140,000.00 sejak kempen kutipan itu dilancarkan kira2 empat bulan yang lalu.



YANG Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein ketika menerima chek tersebut dari Y.B. Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Awang Haji Mohammad Noor dan chek itu kemudian di-serahkan kepada Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri (dikanan sekali).

Chatuan ayer di-Daerah Tutong

TUTONG. — Penduduk2 Daerah Tutong pada masa ini sedang mengalami kekurangan bekalan ayer akibat dari musim kemarau yang telah berlaku sa-lama lebih sa-bulan.

Pegawai Daerah Tutong, Ag. Abdullah bin Hj. Md. Jaafar yang membuat lawatan ka-Ampangan Ayer di-Sungai Basong pada minggu lalu telah mendapati ayer yang ada dalam ampangan itu tinggal sa-tinggi dua kaki sahaja dan jika hujan tidak turun dalam beberapa hari lagi Ampangan Ayer di-Sungai Basong akan terus kering.

Ayer dalam Ampangan itu biasa-nya sa-tinggi 7 kaki yang boleh membekalkan ayer sa-banyak 245,000 gilin sa-hari untuk penduduk2 sa-ramai 5,000 orang di-Pekan Tutong.

Pegawai Daerah Tutong itu juga telah melawat ka-Ampangan Ayer lama di-Panchor Dulit yang di-bina 30 tahun yang lalu.

Ayer yang ada di-Ampangan Panchor Dulit telah juga di-gunakan untuk membekalkan ayer ka-kampung2 di-Sungai Tutong, Sengkarai, Keriam dan Penanjong yang di-angkat oleh tiga buah lori tanki ayer.

Bekalan Ayer untuk penduduk2 di-Pekan Tutong telah pun di-jalankan chatuan awal bulan ini pada tiap2 hari dari jam 5.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Sementara itu, bekalan ayer untuk Asrama di-Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dan Sekolah Menengah Inggeris, Tutong akan di-potong mulai minggu lalu.

Penuntut2 yang tinggal di-asrama tersebut telah balek ka-rumah masing2 kecuali penuntut2 tingkatan III dan tingkatan V di-Sekolah Menengah Muda Hashim, Prep III dan tingkatan III di-Sekolah Menengah Inggeris saja di-benarkan tinggal di-asrama itu.

Meshuarat agong 16hb. Februari

SERIA. — Meshuarat agong tahunan Persatuan Bekas Anggota2 Tentera Brunei, akan di-adakan di-Mess Pegawai pasokan ke-enam Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles di-Seria, dengan ehsan Pegawai Pemerintah pasokan Gurkha Rifles, Leftenan Colonel J.N. Kelly, pada hari Jumaat, 16hb. Februari, jam 7.00 malam.

Sa-orang juruchakap bagi Persatuan itu berkata, meshuarat itu akan di-pengerusikan, oleh Yang Di-Pertua Persatuan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Puit.

Juruchakap itu meminta perhatian dari ahli2 persatuan, bahawa tarikh bagi mengadakan meshuarat itu, telah di-ubah dari 23hb. Februari, kepada 16hb. Februari, ia-itu awal sa-minggu.



GAMBAR atas menunjukkan Pegawai Daerah Tutong, Awg. Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar (kiri sekali) ketika mengadakan lawatan ka-ampangan ayer di-Sungai Basong pada minggu lalu. Ampangan itu kelihatan hampir kering dan jika hujan tidak turun beberapa hari ini, besar kemungkinan ampangan tersebut akan terus kering.

106 kejadian kebakaran dalam bulan lalu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-banyak 106 kejadian kebakaran hutan, rumah dan kereta telah berlaku di-Daerah Brunei/Muara di-sepanjang musim kemarau dalam bulan Januari tahun ini.

Sa-banyak 30 kejadian kebakaran hutan juga telah berlaku di-Daerah Tutong, dan yang lain di-kawasan Telisai, Liang dan Anduki di-Seria.

Semua kebakaran itu melibatkan sedikit kerugian, dan tidak sa-orang pun yang terlibat dalam kejadian kebakaran itu. Kesemua kebakaran itu dapat di-kawal oleh ahli2 pasokan bomba.

Pemangku Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Ya'akub bin Haji Mohamed Yusof mengingatkan orang-orang

mai supaya berhati2 membuang pontong2 rokok yang masih menyala dan mereka hendak-lah juga berhati2 apabila membakar sampah sarap.

Beliau memberikan amaran, jika sesiapa yang berhajat hendak membakar hutan di-kampung2 hendak-lah lebih dahulu mendapatkan kebenaran dari pehak pasokan perkhidmatan bomba yang berdekatan.